

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 53

Mayflower Enterprise**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2016**

	RM	RM		RM	RM
Peralatan		8,440	Modal		13,570
Inventori		4,280	Akaun belum bayar		2,240
Akaun belum terima		3,800	Bank (overdraf)		765
Tunai		55			
		16,575			16,575

Penyata kedudukan kewangan telah disediakan sebelum urus-urus niaga berikut diambil kira:

- (a) Faedah perlu bayar atas overdraf bank sebanyak RM15
- (b) Peralatan perlu disusutnilaikan pada kadar 10% setahun.
- (c) Inventori akhir dilebihnyatakan sebanyak RM180.
- (d) Ambilan barang niaga RM200 oleh pemilik untuk kegunaan peribadi.
- (e) Cek yang diterima RM150 daripada seorang akaun belum terima telah digunakan untuk membayar seorang akaun belum bayar.
- (f) Peruntukan hutang rugu diwujudkan sebanyak 2% atas baki akhir akaun belum terima pada akhir tahun kewangan.
- (g) Jualan barang niaga berkos RM300 secara tunai pada harga RM420. Tunai dari jualan ini telah digunakan oleh pemilik untuk membayar yuran kolej anaknya.

Dikehendaki:

Sediakan penyata kedudukan kewangan Mayflower Enterprise pada 31 Mei 2016 selepas mengambil kira semua urus niaga di atas.